(l) RHB Islamic Bank bererti RHB ISLAMIC BANK BERHAD (No. Syarikat 680329-V), bank berlesen yang ditubuhkan mengikut undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Aras 10, Menara Satu, Pusat RHB, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur dan alamat perniagaan di pejabat Card Centre di Aras 3, Lot 19 & 21, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur dan pengganti serta penerima serah haknya.

(m) Tarikh Sah bererti tarikh tamat tempoh Kad seperti yang tercetak pada Kad.

(n) Transaksi bererti mana-mana dan semua transaksi perbankan yang dilakukan menerusi penggunaan Kad dan/atau PIN dan merangkumi tetapi tidak terhad kepada, pengeluaran tunai, pembelian, pembayaran, pemindahan dana, pertanyaan baki, deposit tunai dan cek, penjelasan bil dan mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik lain seperti yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa (sama ada menerusi ATM, Terminal Tumpuan Jualan (POS), transaksi internet atau lain-lain terminal atau saluran yang disediakan kepada Ahli Kad). Untuk mengelakkan keraguan, istilah **Transaksi** merangkumi juga **Transaksi Debit**.

(o) Transaksi Debit bererti transaksi yang dilakukan di bawah nama, tanda dan logo Visa/Master menerusi penggunaan Kad dengan atau tanpa PIN dan disertai tandatangan ahli Kad kecuali dalam kes terminal layan diri, seperti kiosk petrol dan terminal internet, yang tidak memerlukan tandatangan ahli Kad.

1.2. Melainkan wujud ketidakseragaman dalam subjek atau konteks dengan pembinaannya atau melainkan dinyatakan sebaliknya: -

(a) perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan yang merujuk kepada bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya;

(b) perkataan yang merujuk kepada individu-individu juga merangkumi waris, wakil peribadi dan pengganti serta penerima serah haknya;

(c) mana-mana rujukan kepada sub-klausa, klausa atau pihak adalah kepada sub-klausa, klausa atau pihak kepada Perjanjian ini dan merangkumi semua pindaan dan rombakan yang dibuat kepada Perjanjian ini dari semasa ke semasa;

(d) mana-mana rujukan kepada peruntukan berkanun merangkumi mana-mana pindaan, gabungan atau penggubalan semula yang sedang berkuatkuasa, dan semua instrumen berkanun atau arahan yang dibuat mengikutnya;

(e) perkataan “Ringgit Malaysia” dan singkatan “RM” bererti mata wang sah Malaysia;

(f) mana-mana rujukan “Hari Perniagaan” adalah kepada hari di mana RHB Islamic Bank dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur;

(g) jika mana-mana tempoh masa jatuh pada hari, yang bukannya Hari Perniagaan, maka tempoh masa itu akan dianggap tamat tempoh pada hari perniagaan berikutnya;

(h) tajuk di dalam Perjanjian ini diberi untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan menjejaskan tafsiran peruntukan yang terkandung di sini.

2. PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

- 2.1. Pelanggan RHB Islamic Bank yang memegang akaun simpanan atau semasa berusia [lapan belas (18) tahun dan ke atas] adalah layak memohon untuk Kad. Dalam kes akaun simpanan atau akaun semasa bersama, hanya pemegang akaun bersama dengan arahan “salah satu tandatangan” boleh memohon untuk Kad.
- 2.2. Seseorang pemohon Kad mesti melengkapkan borang permohonan yang diberi dan menyerahkannya kepada RHB Islamic Bank atau wakil yang dilantik atau ejen yang dilantik bersama salinan fotostat kad pengenalannya (depan dan belakang), buku simpanan akaun simpanan atau semasa RHB Islamic Bank atau penyata dengan nombor akaun dan semua dokumen serta bayaran lain yang dinyatakan di sini.
- 2.3. RHB Islamic Bank berhak meingikut budi bicara mutlaknya meluluskan atau menolak sebarang permohonan untuk Kad.
- 2.4. Dengan mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad, RHB Islamic Bank bersetuju menyediakan kemudahan Kad kepada Ahli Kad tertakluk kepada syarat dan peraturan yang dinyatakan (yang mungkin dipinda oleh RHB Islamic Bank dari semasa ke semasa).
- 2.5. Sebaik sahaja menerima Kad, Ahli Kad perlu segera menandatangani panel tandatangan pada Kad. Dengan menggunakan Kad, Ahli Kad bersetuju akan terikat sepenuhnya dengan syarat dan peraturan yang dinyatakan (yang mungkin di pinda oleh RHB Islamic Bank dari semasa ke semasa).
- 2.6. Ahli Kad akan hanya diberi satu Kad pada satu masa, tertakluk kepada budi bicara mutlak Bank untuk mengeluarkan lebih daripada satu Kad kepada Ahli Kad seperti yang difikirkan patut.
- 2.7. Di mana Ahli Kad telah diberi lebih daripada satu Kad, RHB Islamic Bank berhak membatalkan mana-mana kad mengikut budi bicara mutlak RHB Islamic Bank dan Ahli Kad perlu menyerahkan balik Kad tersebut kepada RHB Islamic Bank.

3. PENGGUNAAN KAD

- 3.1. Ahli Kad hanya boleh menggunakan kad tersebut untuk pembelian dan pembayaran di cawangan perniagaan yang berasaskan Syariah sahaja. Ahli Kad harus bersetuju dan mematuhi bahawa jika Kad itu digunakan untuk pembelian dan pembayaran di cawangan perniagaan yang tidak berasaskan Syariah, RHB Islamic Bank berhak untuk menarik, menggantung atau membatalkan penggunaan Kad tersebut.
- 3.2. Dalam RHB Islamic Bank mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad, Ahli Kad bersetuju mematuhi syarat dan peraturan yang dinyatakan di sini dan lain-lain syarat dan peraturan sepertinya, pindaan dan/atau tambahan yang mungkin dikenakan oleh RHB Islamic Bank dari semasa ke semasa, mengikut budi bicara mutlaknya.
- 3.3. Kad hanya sah sehingga Tarikh Sah. Apabila tamat tempoh Tarikh Sah, Ahli Kad mestilah memotong Kad kepada dua dan mengembalikan kad yang telah dipotong kepada Bank untuk digantikan dengan Kad baru, yang akan dikeluarkan mengikut budi bicara mutlak RHB Islamic Bank.
- 3.4. Kad adalah kad debit di mana Akaun akan didebitkan untuk pembelian menggunakan Kad. Kad boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan di Malaysia dan

di luar negara di Peniaga-peniaga yang turut serta selagi terdapat baki tunai yang mencukupi di dalam Akaun ketika membuat pembelian. Ahli Kad bertanggungjawab memastikan Akaun mempunyai baki tunai yang mencukupi sebelum menggunakan Kad untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan.

- 3.5. Ahli Kad dibenarkan membeli barangan dan perkhidmatan secara online dan mengakses tunai di ATM atau institusi kewangan yang memaparkan [Bankcard (untuk transaksi eDebit) dan Visa/ MasterCard (untuk transaksi EMV)] selagi terdapat baki tunai yang mencukupi di dalam Akaun ketika membuat transaksi atau pengeluaran (tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh RHB Islamic Bank untuk setiap pengeluaran).
- 3.6. Ahli Kad boleh menggunakan Kad di mana-mana ATM RHB Islamic Bank atau mana-mana ATM yang memaparkan MEPS atau [Visa/MasterCard, Visa Plus, Cirrus atau Maestro] untuk pengeluaran tunai dari Akaun.
- 3.7. Mana-mana pengeluaran tunai oleh Ahli Kad akan didebitkan terus dari Akaun.
- 3.8. Untuk tujuan mengaktifkan transaksi ATM dan eDebit dengan Kad, RHB Islamic Bank akan mengeluarkan PIN dan menghantarkannya kepada Ahli Kad atas risiko Ahli Kad sendiri. PIN adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada sesiapa jua di bawah apa jua keadaan atau dengan apa cara sekalipun. Ahli Kad mengakui dan bersetuju bahawa dia akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi yang dilakukan dengan penggunaan PIN sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Ahli Kad.
- 3.9. RHB Islamic Bank boleh menetapkan Baki Dipegang untuk tujuan mana-mana transaksi debit yang bakal dilakukan pada Kad. Amaun untuk Baki DiPegang dan tempoh Baki Dipegang tersebut akan ditetapkan mengikut budi bicara RHB Islamic Bank. RHB Islamic Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya mendebitkan Akaun dengan amaun Baki Dipegang (atau sebahagian daripadanya) tidak kira sama ada amaun tersebut mewakili atau tidak mewakili transaksi debit. Jika RHB Islamic Bank mendebit mana-mana amaun daripada Akaun dan Bank seterusnya menetapkan amaun tersebut (atau mana-mana bahagian daripadanya) tidak harus didebitkan, maka RHB Islamic Bank akan mengkreditkan semula amaun tersebut ke dalam akaun (tanpa keuntungan).
- 3.10. Ahli Kad dengan ini akan mengecualikan RHB Islamic Bank daripada semua tuntutan dan liabiliti oleh semua pihak susulan penggunaan yang tidak dibenarkan. Ahli Kad juga bersetuju akan membayar RHB Islamic Bank sepenuhnya untuk segala kerugian, perbelanjaan atau tuntutan yang ditanggung oleh RHB Islamic Bank.
- 3.11. Untuk transaksi luar negara:
 - 3.11.1. Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia dengan Peniaga-peniaga dan di ATM yang sah. Ahli Kad hendaklah terlebih dahulu memberitahu RHB Islamic Bank hasratnya untuk menggunakan Kad bagi transaksi luar negara.
 - 3.11.2. Di mana Ahli Kad menggunakan Kad dalam transaksi yang menggunakan mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, amaun yang didebitkan daripada Akaun akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran semasa pada masa RHB Islamic Bank membuat pembayaran berkaitan kepada bank yang turut serta bagi urusan niaga tersebut.
 - 3.11.3. Penggunaan Kad untuk transaksi luar negara adalah tertakluk kepada Peraturan Kawalan Tukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang mungkin dikenakan kepada transaksi seumpamanya.
- 3.12. Ahli Kad mengakui bahawa baki yang dibutirkan menerusi ATM, internet atau lain-lain terminal atau saluran yang disediakan kepada Ahli Kad tidak termasuk deposit yang belum disahkan oleh Bank dan cek yang dikeluarkan oleh Ahli Kad yang belum diproses oleh Bank. Baki yang dibutirkan menerusi ATM, internet atau lain-lain terminal atau saluran yang disediakan kepada Ahli Kad tidak boleh dianggap sebagai baki muktamad akaun Ahli Kad.

4. WAAD OLEH AHLI KAD

- 4.1. Ahli Kad berwaad dengan RHB Islamic Bank seperti berikut:
 - 4.1.1. bahawa hanya Ahli Kad berhak menggunakan Kad yang dikeluarkan dalam nama Ahli Kad dengan Peniaga;
 - 4.1.2. untuk sentiasa mengambil langkah sewajarnya dalam memastikan keselamatan Kad dan rahsia PIN;
 - 4.1.3. untuk segera memberitahu RHB Islamic Bank (pemberitahuan sedemikian akan serta-merta disahkan secara bertulis) jika Kad hilang atau dicuri

dan/atau jika PIN diketahui oleh individu yang tidak sepatutnya, untuk mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad;

4.1.4. jika Kad dilaporkan hilang atau dicuri dan kad gantian telah dikeluarkan oleh RHB Islamic Bank dan Kad yang hilang atau dicuri kemudiannya dijumpai semula ("Kad Dijumpai Semula"), maka Ahli Kad akan serta-merta menghapuskan Kad Dijumpai Semula dengan memotong Kad kepada dua dan mengembalikan kad yang telah dipotong kepada RHB Islamic Bank;

4.1.5. untuk segera memberitahu RHB Islamic Bank secara bertulis tentang sebarang perubahan butiran Ahli Kad yang diberi kepada RHB Islamic Bank semasa permohonan kad dan untuk memberi RHB Islamic Bank lain-lain butiran seperti yang diminta oleh RHB Islamic Bank dari semasa ke semasa;

4.1.6. untuk mematuhi syarat dan peraturan yang dinyatakan di sini (yang mungkin dipinda oleh RHB Islamic Bank dari semasa ke semasa) dan semua syarat lain untuk penggunaan Kad – yang mungkin dikenakan oleh RHB Islamic Bank dari semasa ke semasa;

4.1.7. tidak akan menggunakan Kad untuk apa jua aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbankan online haram, pertaruhan atau perjudian. RHB Islamic Bank berhak membatalkan Kad dengan serta-merta jika Kad disyaki digunakan dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang;

4.1.8. transaksi menggunakan Kad dan wang atau dana untuk digunakan bagi tambah nilai Kad tidak diperolehi dari mana-mana sumber haram atau berhubung dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

5. PENARIKAN / PENGGANTUNGAN PENGGUNAAN KAD

5.1. Semua Kad adalah hak milik RHB Islamic Bank yang berhak pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya menarik balik Kad atau menggantung penggunaannya atau menolak sebarang Transaksi dalam apa jua keadaan sepertimana yang difikirkan sesuai oleh RHB Islamic Bank.

5.2. Dengan penarikan, penggantungan atau pembatalan penggunaan Kad, Ahli Kad akan segera mengembalikan Kad (dipotong dua) ("Kad Batal") kepada RHB Islamic Bank.

6. PENAFIAN LIABILITI RHB ISLAMIC BANK

6.1. RHB Islamic Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang tindakan atau peninggalan oleh Peniaga termasuk keengganan Peniaga menerima Kad atau apa jua kerosakan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Peniaga. Ahli Kad akan menyelesaikan semua rungutan, tuntutan dan pertelingkahan dengan Peniaga secara terus dan bukannya menerusi RHB Islamic Bank. Ahli Kad bersetuju tidak akan membabitkan RHB Islamic Bank dalam tuntutan dan/atau pertelingkahan sedemikian atau tindakan undang-undang terhadap Peniaga tersebut. RHB Islamic Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang bayaran tertangguh kepada Peniaga tanpa mengambil kira sebarang tuntutan dan/atau pertelingkahan di antara Ahli Kad dan Peniaga. Andainya wujud pertelingkahan tentang sebarang transaksi, amaun yang dipotong untuk bayaran transaksi tersebut tidak akan dikembalikan sehingga Ahli Kad dibebaskan daripada sebarang liabiliti berhubung dengan transaksi tersebut.

6.2. Ahli Kad akan mengecualikan RHB Islamic Bank daripada semua liabiliti jika Kad tidak diterima oleh mana-mana Peniaga atau di dalam mana-mana transaksi online atau ATM.

6.3. RHB Islamic Bank menafikan semua liabiliti untuk apa jua kegagalan memenuhi sebarang obligasi tidak kira bagaimana kegagalan tersebut boleh berlaku, dan tidak kira sama ada kegagalan tersebut berada di dalam atau di luar kawalan RHB Islamic Bank.

6.4. Tanpa prejudis terhadap keumuman yang sebelum ini, Ahli Kad bersetuju tidak akan mempertanggungjawabkan RHB Islamic Bank andainya RHB Islamic Bank tidak dapat menunaikan keseluruhan atau sebahagian obligasinya di bawah syarat dan peraturan ini, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian transmisi, pertelingkahan perindustrian, kerosakan elektrik, mana-mana tindakan di luar kawalan RHB Islamic Bank atau mana-mana bencana alam.

7. YURAN DAN CAJ TAHUNAN

7.1. Semua Ahli Kad diwajibkan membuat bayaran tahunan kepada RHB Islamic Bank sebanyak RM20.00 untuk My Cash-i (Visa) atau RM15.00 untuk My Cash-i

(MasterCard) atau seperti yang ditetapkan oleh RHB Islamic Bank dengan mengambil kira kriteria yang telah ditentukan oleh RHB Islamic Bank mengikut polisi RHB Islamic Bank dari semasa ke semasa dan mana-mana peraturan atau garis panduan yang mungkin dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa terbabit berhubung Kad dan/atau RHB Islamic Bank.

- 7.2. Yuran perkhidmatan RM1.00 setiap pertanyaan akan dikenakan untuk pertanyaan baki di mana-mana ATM bukan MEPS.
- 7.3. Ahli Kad akan membayar RHB Islamic Bank caj perkhidmatan sebanyak RM1.00 setiap pengeluaran di mana-mana ATM MEPS dan RM8.00 setiap pengeluaran di semua ATM lain menerusi rangkaian Visa/MasterCard.
- 7.4. Ahli Kad akan membayar RHB Islamic Bank 1% daripada jumlah amaun yang ditukar yang dibil kepada Ahli Kad sebagai caj perkhidmatan untuk sebarang transaksi dalam matawang asing.
- 7.5. Salinan penyata Akaun akan diberi kepada Ahli Kad berdasarkan jenis akaun simpanan/semasa yang dirangkaikan dengan akaun debit. Atau, Ahli Kad boleh menyemak baki Akaun dan butiran transaksi menerusi laman web RHB Online Banking. Caj RM2 setiap halaman akan dikenakan untuk permohonan salinan penyata Akaun.
- 7.6. Ahli Kad boleh memohon untuk salinan draf jualan pada yuran perkhidmatan RM20.00 setiap draf jualan atau yuran lain seperti yang ditetapkan oleh RHB Islamic Bank mengikut budi bicaranya sekiranya adanya atau terdapatnya salinan draf jualan yang berkenaan.
- 7.7. Yuran RM20.00 untuk My Cash-i (Visa) atau RM15.00 untuk My Cash-i (MasterCard) akan dikenakan untuk setiap penggantian Kad.
- 7.8. Sebarang kos atau caj yang perlu dibayar oleh Ahli Kad akan didebitkan ke Akaun dan dibutirkan dalam penyata Akaun. Sebarang kos atau caj yang dibayar oleh Ahli Kad tidak akan dikembalikan dalam apa jua keadaan.
- 7.9. Andainya Akaun tidak mempunyai baki yang mencukupi untuk membayar apa jua transaksi atau amaun yang perlu dibayar oleh Ahli Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pampasan, yuran, caj atau lain-lain bayaran kepada RHB Islamic Bank, maka RHB Islamic Bank berhak mengikut budi bicaranya dan dengan ini dibenarkan oleh Ahli Kad untuk memindah atau menguruskan pindahan dana yang mencukupi dari mana-mana akaun lain yang dimiliki Ahli Kad dengan RHB Islamic Bank ke Akaun tersebut.
- 7.10. Yuran atau caj yang tersebut boleh berubah pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara RHB Islamic Bank dengan memberi Ahli Kad notis 21 hari sebelum tarikh ia berkuat kuasa.

8. PROGRAM GANJARAN

- 8.1. Program Ganjaran sah untuk Ahli Kad yang memiliki Kad dan Akaun yang aktif dan bagus. Ahli Kad tidak layak menyertai apa jua program ganjaran lain yang ditawarkan oleh RHB Islamic Bank berhubung dengan lain-lain kad yang dikeluarkan oleh RHB Islamic Bank selain Kad ini. Selain, itu, pemegang kad-kad yang dikeluarkan oleh RHB Islamic Bank selain Kad ini tidak layak menyertai Program Ganjaran kecuali ditentukan oleh RHB Islamic Bank.
- 8.2. Tertakluk kepada syarat yang terkandung di sini, Ahli Kad layak untuk 0.5% Rebat Tunai bagi setiap transaksi RM1.00 berhubung dengan pembelian yang dibuat dengan Kad.
- 8.3. RHB Islamic Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya meminda atau merombak peratusan Rebat Tunai yang diberi untuk setiap transaksi RM1.00 dengan Kad dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
- 8.4. Tiada Rebat Tunai akan diberi berhubung dengan mana-mana pengeluaran tunai menggunakan Kad daripada Akaun. Tiada Rebat tunai akan diberi berhubung dengan mana-mana transaksi tanpa tandatangan yang dibuat menggunakan Kad.
- 8.5. Rebat Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Ahli Kad secara bulanan.
- 8.6. Tiada Rebat Tunai akan diberi dengan pembatalan Kad atau ketika status tidak aktif Kad seperti yang ditetapkan oleh RHB Islamic Bank mengikut budi bicara mutlaknya.
- 8.7. RHB Islamic Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, memotong atau membatalkan mana-mana Rebat Tunai daripada mana-mana Ahli Kad atau Akaun.
- 8.8. RHB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab atau tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerumitan, kerugian atau kerosakan yang

dialami oleh Ahli Kad akibat, dan tanpa batasan, daripada yang berikut:-

- 8.8.1. mana-mana kerosakan, kegagalan, kekurangan atau kesilapan dalam mana-mana terminal kad atau lain-lain sistem pengesahan yang berlaku sehingga menyebabkan kegagalan untuk menentukan Rebat Tunai dalam mana-mana akaun Kad atau kegagalan untuk menyempurnakan mana-mana transaksi; atau
 - 8.8.2. mana-mana kelewatan atau ketidakupayaan pihak RHB Islamic Bank untuk memenuhi mana-mana obligasinya menurut Perjanjian ini akibat mana-mana kerosakan atau kegagalan elektronik, sistem mekanikal, pemprosesan data atau telekomunikasi, atau mana-mana peristiwa di luar kawalan RHB Islamic Bank.
- 8.9. Andainya pemegang Kad utama Delink dari Kad, pemegang akaun bersama boleh memilih untuk sama ada (i) Delink dari Kad yang dikeluarkan kepadanya; atau (ii) terus menggunakan Kad. Walau apapun, penggunaan terus tidak melayakkan pemegang Akaun utama/bersama untuk Program Ganjaran kecuali ditentukan sebaliknya oleh RHB Islamic Bank.
- 8.10. Andainya pemegang Kad utama membatalkan Kad, Kad pemegang Akaun bersama akan dibatalkan juga.
- 8.11. RHB Islamic Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya untuk meminda, merombak, membatalkan atau menggantikan Program Ganjaran dengan program ganjaran pelanggan alternatif yang difikirkan sesuai oleh RHB Islamic Bank.

9. KEHILANGAN / KECURIAN KAD

- 9.1. Ahli Kad bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dilaksanakan akibat penggunaan Kad yang tidak sah sehinggalah laporan kehilangan atau kecurian diterima oleh RHB Bank Card Centre.
- 9.2. Permintaan untuk wang kembali tertakluk kepada budi bicara mutlak RHB Islamic Bank.
- 9.3. RHB Islamic Bank tidak terikat untuk mengeluarkan Kad gantian susulan kehilangan atau kecurian atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan. Andainya RHB Islamic Bank mengeluarkan Kad gantian, RHB Islamic Bank berhak mengenakan syarat dan yuran atau caj sepertimana yang difikirkan sesuai mengikut budi bicara mutlaknya.

10. BUKTI MukTAMAD

- 10.1. Ahli Kad dengan ini berwaad dengan RHB Islamic Bank untuk menerima sebagai bukti muktamad terhadap Ahli Kad dalam mana-mana tindakan undang-undang dan untuk semua tujuan sekalipun:
 - 10.1.1. penyata yang dikeluarkan oleh RHB Islamic Bank adalah bukit muktamad tentang keterhutangan Ahli Kad terhadap RHB Islamic Bank;
 - 10.1.2. sijil daripada pegawai RHB Islamic Bank yang disahkan adalah bukti muktamad isu tersebut samada notis tentang apa jua perkara yang timbul daripada Perjanjian ini telah diberi kepada Ahli Kad;
 - 10.1.3. mana-mana rekod yang disimpan oleh RHB Islamic Bank merupakan bukti muktamad tentang amaun Rebat Tunai yang diperolehi atau diberi kepada Kad atau Ahli Kad.

11. NOTIS

- 11.1. Mana-mana komunikasi yang dirujuk dalam Perjanjian ini akan dianggap telah diterima oleh Ahli Kad jika ditinggalkan atau dihantar menerusi pos biasa yang diperakui ke alamat terakhir Ahli Kad atau diiklankan dalam mana-mana media termasuklah internet seperti yang ditetapkan oleh RHB Islamic Bank.
- 11.2. Penyampaian mana-mana notis atau proses mahkamah akan dianggap telah berkuatkuasa pada tarikh penghantaran jika menerusi serahan tangan atau dalam kes pos, pada Hari Perniagaan kedua selepas diposkan kepada Ahli Kad ke alamat terakhir yang diberi kepada RHB Islamic Bank atau pada tarikh mana-mana pengiklanan oleh RHB Islamic Bank.

12. PEMBERIAN MAKLUMAT

- 12.1. RHB Islamic Bank boleh pada bila-bila masa tanpa liabiliti kepada Ahli Kad, memberi apa jua maklumat berhubung Ahli Kad dan/atau mana-mana transaksi yang dilaksanakan menerusi penggunaan Kad kepada:
 - 12.1.1. mana-mana pihak berkuasa, Peniaga dan mana-mana ahli institut Visa/

VisaCard® International Incorporated/VISA International/MasterCard® International Incorporated; dan

12.1.2. mana-mana syarikat sekutu atau syarikat berkaitan dengan RHB Islamic Bank, ejen, pekerja dan/atau individu yang difikirkan sesuai mengikut budi bicara RHB Islamic Bank, dengan syarat Ahli Kad telah membenarkan pendedahan sedemikian ketika membuat permohonan.

12.1.3. Ahli Kad dengan ini membenarkan RHB Islamic Bank mendapatkan apa jua maklumat berhubung Ahli Kad daripada mana-mana pihak berkuasa, Peniaga atau individu seperti yang difikirkan sesuai oleh RHB Islamic Bank dari semasa ke semasa.

13. DAN LAIN-LAIN

13.1. Jika mana-mana peruntukan didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, di bawah mana-mana enakmen atau undang-undang, peruntukan selebihnya akan kekal efektif dan berkuatkuasa sepenuhnya.

13.2. RHB Islamic Bank berhak meminda dan/atau menambah atau mengubah suai peruntukan yang ditetapkan di sini dari semasa ke semasa dan Ahli Kad terikat dan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang dipinda dan/atau ditambah atau diubah suai.

13.3. RHB Islamic Bank berhak menyalurkan apa-apa jumlah yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada RHB Islamic Bank kepada pihak berkenaan dan mengikut syarat yang difikirkan sesuai.

13.4. Perjanjian ini (dan semua persetujuan yang dibentuk menurut ini seterusnya) akan tertakluk kepada dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

13.5. Masa di mana juga disebutkan merupakan perkara mustahak Perjanjian ini tetapi tiada kegagalan untuk mengamalkan dan tiada kelewatan untuk mengamalkan bagi pihak RHB Islamic Bank apa jua hak, kuasa keistimewaan di bawah Perjanjian ini akan beroperasi sebagai penepian darinya, atau mana-mana amalan tunggal atau sebahagian apa jua hak, kuasa atau keistimewaan menghalang mana-mana amalan lain atau selanjutnya atau amalan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan. Hak dan penyelesaian tersebut adalah kumulatif dan tidak eksklusif kepada mana-mana hak dan penyelesaian yang diberi oleh undang-undang.

13.6. Obligasi Ahli Kad akan mengikat wakil Ahli Kad yang sah dari segi undang-undang atau pengganti dan penerima serah haknya.

13.7. Andainya timbul sebarang keraguan dari Perjanjian ini, keraguan tersebut akan diselesaikan oleh RHB Islamic Bank. Pengertian mana-mana peruntukan dan di mana berkenaan, pilihan peruntukan yang sesuai untuk sesuatu situasi adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad.

13.8. Andainya timbul sebarang konflik atau percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris Perjanjian ini dengan mana-mana terjemahannya, maka versi Bahasa Inggeris ini akan diutamakan.

13.9. Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan di sini dan sebaliknya, RHB Islamic Bank menolak sebarang liabiliti kepada Ahli Kad dan mana-mana pihak untuk kerugian, kecederaan, kelewatan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh mana-mana pihak kerana menjalankan obligasi masing-masing yang terkandung di sini akibat tindakan atau peristiwa di luar kawalan mereka yang disebabkan oleh bencana alam, mogok, gangguan pekerja, penahanan, keganasan, kekurangan bahan, rusuhan, peperangan, undang-undang kerajaan, kebakaran, gempa bumi, banjir, kilat, wabak penyakit dan lain-lain malapetaka. Obligasi RHB Islamic Bank, sejauh yang terjejas akibat tindakan atau peristiwa sedemikian, akan digantung sepanjang kelewatan atau kegagalan prestasi terbabit, dan kelewatan atau kegagalan ini bukanlah melanggar Perjanjian.

-Terma dan Syarat tamat -



RHB Islamic Bank Berhad

For more information, please call
RHB PhoneBanking at
03-9206 8118
for Peninsular Malaysia
(available 24 hours, 7 days a week),
082-276 118
for Sabah and Sarawak
or visit www.rhbbank.com.my

*Untuk Keterangan lanjut, sila hubungi
TelePerbankan RHB di talian
03-9206 8118
untuk Semenanjung Malaysia
(beroperasi 24 jam, 7 hari seminggu),
082-276 118
untuk Sabah dan Sarawak
atau kunjungi www.rhb.com.my*